

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
27 SEPTEMBER 2013**

---

**1. SEMINAR PEMAHAMAN AKTA PENGURUSAN STRATA 2013  
(AKTA 757)**

Dalam usaha memberi pengetahuan dan didikan bagi mereka yang tinggal di kawasan perumahan strata, adalah dimaklumkan bahawa pada 26 Oktober 2013 yang akan datang, MPSP dengan kerjasama Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan akan mengadakan Seminar Pemahaman Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) kepada pemilik petak skim bangunan berstrata, pemaju, JMB, MC dan Ejen Pengurusan. Seminar yang bertempat di Hotel Seri Malaysia, Kepala Batas akan bermula pada pukul 8.00 pagi sehingga 1.00 petang. Semua pihak berkaitan yang berminat untuk hadir boleh terus menghubungi Puan Nurul Hazwa binti Roslan / Puan Nor Azira binti Muhammad ditalian 04-5497786 / 787 bagi urusan tempahan tempat. Tempat dihadkan kepada 200 penyertaan. Seminar adalah percuma dan penyertaan adalah 'First come, first serve basis'.

## **2. OPERASI WARAN TAHANAN BAGI TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN**

Adalah dimaklumkan bahawa mulai 10 Oktober 2013, MPSP akan melaksanakan operasi serahan waran tahanannya ke atas pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan. Pemilik premis berkenaan diminta agar menjelaskan tunggakan cukai tersebut bagi mengelakkan harta mereka daripada disita dan seterusnya akan dilelong bagi tujuan menyelesaikan tunggakan tersebut. Pemilik premis boleh hadir ke pejabat MPSP Bandar Perda atau menghubungi terus pegawai di talian 04-5497470 / 471 sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau masalah berhubung tunggakan premis masing-masing.

## **3. TINDAKAN PENGUATKUASAAN PAPAN IKLAN / BILLBOARD HARAM – BULAN OKTOBER 2013**

MPSP ingin mengingatkan semua pengiat / syarikat papan iklan / 'bill board' untuk mengemukakan permohonan bagi mendirikan papan iklan dan 'bill board' kepada Majlis sebelum mendirikannya di tapak. Semua permohonan ini akan diproses mengikut Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar di Negeri Pulau Pinang yang diluluskan oleh kerajaan negeri pada 10 Januari 2013.

Masakini terdapat 66 buah papan iklan atau 'bill board' haram di kawasan MPSP yang akan diambil tindakan. Sebanyak 68 buah papan iklan telah dirobohkan dari Januari sehingga Ogos 2013.

Majlis telah memutuskan bulan Oktober adalah bulan 'Perang Menghapuskan Bill Board atau Papan Iklan Haram'. MPSP akan meruntuhkan 'bill board' haram dan papan iklan ini dan mengambil tindakan terhadap pengusaha papan iklan tersebut. Majlis juga ingin mengambil perhatian para pengiklan untuk memastikan struktur bill board yang tuan/puan akan letakkan iklan tuan/puan mendapat kelulusan Majlis sebelum melekatkan iklan masing-masing di struktur tersebut. MPSP akan terus melaksanakan penguatkuasaan terhadap papan iklan / 'bill board' haram ini.

Walau bagaimanapun, adalah lebih baik pengusaha / syarikat papan iklan tidak melanggar undang-undang dan menghormati perundangan diperingkat MPSP dengan mengemukakan permohonan untuk mendirikan papan iklan atau 'bill board' itu.

#### **4. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Untuk mewujudkan warga Seberang Perai yang lebih sihat Program Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman

Tunku pada hari Ahad 6 Oktober 2013. Manakala Program Senamrobik di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan akan diadakan pada 20 Oktober 2013 (Ahad) dan Senamrobik Bersama MPSP di Taman Berjaya, Nibong Tebal pada 27 Oktober 2013 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti sihat kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

## **5. SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA HAJI**

Dimaklumkan bahawa pada 15 Oktober 2013 (Selasa) merupakan Hari Raya Haji dan hari cuti kelepasan am. Justeru saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Haji dan selamat menjalani ibadah korban kepada kepada seluruh umat Islam di Pulau Pinang.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**